



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
JALAN DIPLOMATIK, OFF JALAN BAKO,
93050 PETRA JAYA
KUCHING, SARAWAK



Tel : 082-473473
Faks : 082-473438
(Unit Perkhidmatan)

Ruj. Kami: JPS(W)SK2P(Perk)153/08/12/03 Jld.2(7)
Tarikh : 18 Mei 2016

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua Sekolah Menengah/Kolej

Tuan,

PENYEMAKAN DAN PENGEMASKINAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN (BPK)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, Pengurusan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) adalah berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2009. Pengemaskinan BPK perlu diberi perhatian serius dan semua Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan agar BPK sentiasa teratur dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi melancarkan urusan-urusan perkhidmatan pegawai seperti kenaikan pangkat, persaraan, permohonan cuti dan lain-lain.

3. Oleh yang demikian adalah disarankan agar Hari Penyemakan Buku Perkhidmatan Kerajaan (HPBPK) dilaksanakan sekurang - kurangnya sekali setahun oleh semua pejabat di peringkat PPD/Sekolah. Sehubungan itu, bagi membantu Ketua Jabatan untuk melaksanakan HPBPK, Unit Perkhidmatan, Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, JPN Sarawak telah mewujudkan emel khas sebagai kaedah untuk mengajukan soalan sepanjang HPBPK di pejabat masing-masing berlangsung melalui alamat emel: unitpkhd.jpsarwak@moe.gov.my Tuan juga boleh merujuk maklumat terkini serta pengkongsian jawapan kepada soalan-soalan berkenaan HPBPK melalui laman web Jabatan: <http://jpsarawak.moe.gov.my>

4. Disertakan juga Borang Semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan untuk disediakan semasa HPBPK tersebut. Laporan pelaksanaan HPBPK hendaklah dikemukakan kepada Unit Perkhidmatan, SKPP, JPNS untuk rekod pihak kami. Sekiranya ada sebarang pertanyaan mengenai perkara ini tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

- | | |
|-----------------------------------|--------------|
| 1. Puan Noor Hasmah Bt Mohd Yusuf | - 082-473443 |
| 2. Puan Kimkey Nyuweh | - 082-473466 |
| 3. Cik Norjanah Bt Wahid | - 082-473468 |
| 4. Puan Talhah Bt Sebeli | - 082-473467 |
| 5. Puan May Bali | - 082-473481 |

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(WAN FAJILLAH BIN WAN AHMAD)
Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

